

CNS3250

R GE 08-01 00169 EB958

aae tbe

Mahathir-visit

DR MAHATHIR SAYS CHUAN'S VISIT FRUITFUL

bm

KUALA LUMPUR, Jan 8^{'93} (Bernama) -- Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today Thai Prime Minister Chuan Leekpai's three-day visit to Malaysia, had been fruitful.

Several bilateral problems between the two countries, such as the sale of Malaysian palm oil and the purchase of rice from Thailand had been resolved, he told reporters after bidding Chuan farewell at Carcosa Seri Negara here.

Chuan, who arrived on Wednesday, left for home today.

Dr Mahathir said Chuan's visit not only fostered closer relations between them but also between the business communities of the two neighbours.

Malaysia also explained to the Thai leader the importance for the two countries to cooperate in explaining the concept of the East Asia Economic Caucus (EAEC) to others, he said.

+This is necessary because there are parties who feel that the EAEC is a trading bloc,+ he said. -- more

▼08/01/18-18MST

CNS3253

R GE 08-01 00135 EB959

aae tbe

Mahathir-visit 2 (last) Kuala Lumpur

Dr Mahathir said Malaysia would also explain the matter to Japanese Prime Minister Kiichi Miyazawa, who is scheduled to visit Malaysia from Jan 13 to 15.

+Japan still considers the EAEC a trading bloc,+ he said.

He also said Umno leaders would be meeting the rulers at Istana Negara tomorrow on the proposal to amend the Federal Constitution to remove their immunity from prosecution.

Umno would be represented by its top leaders except Umno Youth chief Datuk Seri Najib Tun Razak and party vice-president Datuk Seri Sanusi Junid, who are abroad.

Dr Mahathir declined to predict the number of rulers who would agree to the amendments.

+We hope for agreement,+ he said. -- Bernama

▼08/01/18-19MST

CNS3119

U GB 08-01 00170 BA067

aab

Mahathir - Lawatan

PERDANA MENTERI SIFATKAN LAWATAN LEEKPAI AMAT BERGUNA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan lawatan tiga hari Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai ke Malaysia sebagai amat berfaedah.

Beberapa masalah dalam hubungan dua hala di antara kedua-dua negara seperti soal penjualan minyak sawit Malaysia dan pembelian beras dari Thai telah dapat diselesaikan, katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Chuan di Carcosa Seri Negara, di sini hari ini.

Chuan yang tiba di sini Rabu lepas, berlepas pulang petang ini.

Menurut Perdana Menteri, lawatan itu bukan sahaja dapat merapatkan hubungan antara pemimpin tetapi juga dapat menjalinkan hubungan di kalangan ahli perniagaan kedua-dua negara.

Katanya, Malaysia juga telah menjelaskan kepada pemimpin Thai itu tentang pentingnya kedua-dua negara bekerjasama menerangkan konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) kepada pihak-pihak tertentu yang belum mengerti.

+Perkara ini perlu kerana masih ada pihak yang berpendapat EAEC sebagai blok perdagangan,+ kata beliau. -- Lagi.

▼08/01/16-52MST

CNS3122

U GB 08-01 00138 BA068

aab

Mahathir - Lawatan 2 (AKhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan menjelaskan lagi perkara ini kepada Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa yang dijadual melawat negara ini dari 13 hingga 15 Jan.

+Jepun masih lagi menganggap EAEC sebagai blok perdagangan+ katanya.

Menyentuh tentang perjumpaan Pemimpin UMNO dengan raja-raja berhubung cadangan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memansuhkan kekebalan mereka di sisi undang-undang, Dr Mahathir berkata, perjumpaan itu akan diadakan di Istana Negara petang esok.

UMNO akan diwakili oleh semua pemimpin tertingginya kecuali Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak dan seorang lagi Naib Presiden parti Datuk Seri Sanusi Junid yang kini berada di luar negara.

Dr Mahathir enggan meramalkan bilangan raja yang akan bersetuju dengan pindaan perlembagaan itu.

+Kita berharap mendapat persetujuan,+ katanya. -- Bernama.

▼08/01/16-55MST